

Fanatik Mazhab di Malaysia: Punca, Implikasi dan Langkah Mengharmonikan Menurut Pandangan Ilmuan Islam

Ahmad Najib Abdullah¹
Mahyudin Daud²
Shukeri Mohamad³
Mohd Muhiden Abd Rahman⁴
Mohd Alwee Hj Yusoff⁵
Mohd Bakhit Hj Ali⁶

Abstrak

Pengamalan agama secara fanatik kepada mazhab atau pendapat tertentu sama ada dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf benar-benar berlaku dalam dunia Islam termasuk Malaysia. Ini dibuktikan dengan wujudnya perselisihan yang agak ketara antara mazhab al-Ash'arī dengan al-Salafī dalam masalah akidah, golongan yang berpegang dengan fiqh empat mazhab dengan kelompok yang tidak bermazhab dalam syariah serta golongan yang menerima dan mengamalkan tasawuf dengan kumpulan yang menolak tasawuf. Kefanatikan tersebut secara tidak langsung menyumbang kepada kecelaruan, khilaf dan hilangnya kesatuan dalam kalangan umat Islam dan berpotensi untuk dimanipulasi oleh musuh-musuh Islam selain kesan-kesan yang sangat negatif kepada keharmonian hidup beragama. Bertolak daripada kesan tersebut, satu kajian dijalankan untuk mencari jawapan persoalan fanatik mazhab dari sudut mafhumnya, punca-puncunya serta implikasinya di negara ini dan yang paling penting mencari jalan mengharmonikan konflik yang serius ini. Isu ini penting untuk dikaji kerana mafhum dan punca-punca konflik ini perlu dikenalpasti supaya tindakan yang berpatutan dan bijaksana dapat digerakkan untuk meluruskannya serta menangani punca-puncunya agar implikasi buruk hasil konflik tersebut dapat dikurangkan atau dihindarkan. Kajian ini juga penting kerana kebiasaan kajian bertemakan fanatik mazhab sebelum ini banyak membincangkan fanatik mazhab dalam fiqh Islam sahaja dan tidak menyentuh fanatik dalam akidah dan tasawuf sebagaimana cuba diterokai dalam kajian ini. Kajian awal mendapati

¹ Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

² Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

³ Prof Madya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

⁴ Prof Madya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

⁵ Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

⁶ Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

* *Corresponding Author:* Mahyudin Daud, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, 16010 Kota Bharu, Kelantan. muhyi@um.edu.my

konflik dalam bidang akidah dan tasawuf lebih sengit berbanding syariah yang kebanyakannya melibatkan perbahasan khilafiyah. Kajian ini adalah gabungan daripada kajian perpustakaan (*library research*) dan lapangan (*field research*). Dalam usaha untuk menghasilkan kajian yang bermutu dengan berasaskan fakta-fakta yang tepat, kajian ini menggunakan metode pengumpulan data dan metode analisis data bagi mendapatkan maklumat. Metode Temubual adalah rujukan utama kepada kajian ini di mana data-data premier yang penting dikumpulkan daripada responden yang terpilih. Data-data terkumpul kemudiannya dianalisis melalui metode induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati, konflik fanatik mazhab dalam akidah, syariah dan tasawuf adalah suatu realiti di negara ini antara dua kumpulan tersebut yang memungkinkan suasana beragama sentiasa keruh kalau tiada langkah hikmah diambil oleh semua pihak yang terlibat.

Keywords: konflik fanatik mazhab, punca, implikasi, langkah mengatasi

PENGENALAN

Pengamalan agama secara fanatik kepada mazhab atau pendapat tertentu sama ada dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf adalah suatu realiti yang benar-benar berlaku dalam dunia Islam. Kefanatikan tersebut amat menyumbang kepada kecelaruan, khilaf dan hilangnya kesatuan dalam kalangan umat ini dan berpotensi untuk dimanipulasi oleh musuh-musuh Islam.

Malaysia tidak terlepas daripada konflik fanatik mazhab dalam ketiga-tiga masalah tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan wujudnya perselisihan yang agak ketara khususnya dalam masalah akidah di antara mereka yang berpegang kepada mazhab al-Ash'arī dengan kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai al-Salafī. Dalam syariah pula, didapati berlakunya pergeseran yang kuat di antara golongan yang berpegang kepada mazhab fiqah iaitu mazhab empat yang terkenal dalam dunia Islam (al-Hanafi, al-Maliki, al-Shafie dan al-Hanbali) dengan kelompok yang tidak bermazhab atau tidak terikat kepada mazhab empat di mana mereka mendakwa berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah secara terus. Dalam masalah tasawuf juga didapati wujudnya unsur fanatik kepada isu penerimaan ilmu itu sendiri di antara kelompok yang menerima tasawuf sebagai salah satu ilmu yang pokok dalam agama dengan kelompok yang menolak tasawuf mentah-mentah. Sementara itu, tidak dinafikan bahawa wujudnya sikap fanatik sebahagian pengamal tasawuf kepada madrasah tertentu atau guru tertentu berbanding madrasah atau guru yang lain.

Secara umumnya amalan beragama secara fanatik sebagaimana disebutkan memberi kesan yang sangat negatif kepada kesejahteraan dan keharmonian hidup beragama di negara ini. Bertolak daripada kesan negatif tersebut, satu kajian dijalankan untuk mencari jawapan kepada persoalan fanatik mazhab dari sudut mafhumnya, punca-punca berlakunya fanatik mazhab serta implikasinya terhadap kesatuan umat Islam di negara ini dan yang paling penting iaitu mencari jalan mengharmonikan konflik yang serius ini.

Isu ini penting untuk dikaji kerana persoalan mafhum fanatik, punca-puncunya serta implikasi buruknya sangat perlu untuk dikenalpasti supaya tindakan-tindakan yang berpatutan dapat digerakkan oleh ilmuan dan pendakwah untuk meluruskan mafhum tersebut serta menangani punca-puncunya. Ini untuk memastikan tiada lagi implikasi buruk yang tidak diinginkan dalam kehidupan beragama di negara ini.

Kajian ini juga penting kerana kebiasaan kajian bertemakan fanatik mazhab yang dijalankan sebelum ini banyak mengfokuskan perbincangan fanatik mazhab dalam fiqh Islam sahaja tidak menyentuh fanatik mazhab dalam akidah dan tasawuf. Kajian ini cuba meneroka perbincangan mengenai fanatik mazhab dalam ketiga-tiga bidang tersebut. Penerokaan ini adalah berasas kerana khlilaf dalam bidang akidah dan tasawuf didapati lebih sengit berbanding bidang syariah yang kebanyakannya melibatkan perbahasan perkara khilafiyah.

Artikel ini akan memaparkan pandangan ilmuan Islam mengenai mafhum fanatik mazhab, punca-punca yang membawa kepada konflik ini, implikasinya dan lontaran-lontaran idea bagi tujuan mencari ikhtiar memurnikan konflik yang panjang ini. Data-data bersifat primeir menjadi rujukan dominan kepada kajian ini. Satu kesimpulan menggambarkan keseluruhan hasil kajian dipaparkan di akhir artikel ini yang mengajak para ilmuan, pendakwah, cendikiawan dan alim ulama supaya bersatu untuk bangkit menjernihkan mafhum fanatik mazhab dan menangani punca-puncanya demi kepentingan Islam sejagat.

DEFINISI FANATIK MAZHAB

Fanatik mazhab dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-ta'aṣub al-madhhabi*. Perkataan *al-ta'aṣub* diambil dari perkataan *al-'aṣabiyyah* yang bermaksud seorang lelaki menyeru lelaki yang lain untuk menyokong kumpulannya dan bersamanya untuk menentang musuh samada kumpulannya melakukan kezaliman atau kumpulannya yang dizalimi⁷. Di antara maknanya juga ialah mempertahankan, menjaga dan membantu yang mana melibatkan pemikiran, perasaan, kata-kata dan tindakan.⁸

Kamus Dewan tidak memasukkan perkataan taksab dalam entrinya tetapi pengguna boleh mendapatkan perkataan seerti dengannya iaitu 'fanatik' dan 'eksterim'. Fanatik bererti (orang yang) keterlaluan pada sesuatu pegangan atau pendirian (biasanya berkaitan dengan keagamaan)⁹ sementara ekstrem bermaksud keterlaluan dan melampau. Perkataan ekstremis merujuk kepada orang (golongan) yang sikapnya (pendiriannya) dalam sesuatu hal (seperti politik) melampaui batas kesederhanaan, pelampau.¹⁰

Kajian mendapati bahawa penggunaan perkataan *al-'aṣabah* secara umum membawa makna yang negatif iaitu menyokong atau membantu kezaliman. Hal ini dapat dibuktikan dengan beberapa nas yang diungkapkan oleh para ulama yang menggambarkan makna tersebut seperti ketika al-Muhaddith Abu Bakar bin Ayyash (m 193) ditanya siapakah Sunni beliau menjawab bahawa "Sunni ialah orang yang jika disebut hawa nafsu dia tidak fanatik kepadanya"¹¹ dalam erti kata bahawa dia tidak cenderung, tidak menyokong dan tidak menolong perkara melibatkan hawa nafsu.

Kedua ialah nas yang disebut oleh al-Hafiz Ibn Abd al-Barr Andalusia (m. 463) apabila membincangkan beberapa masalah fiqh beliau berkata bahawa "dan ia suatu asal yang benar bagi mereka yang diilhamkan kebijakan dan tidak cenderung kepada fanatik

⁷ Muhammad bin Makram Ibn Manzur al-Ifriqi al-Misri: *Lisan al-Arab* (Beirut: Dar Sadir, t.t.), 1: 606.

⁸ Doktor Khalid Kabir 'Allal, *al-Ta'assub al-Madhhabi fi al-Tarikh al-Islami Khilal al-Asr al-Islami-Mazahiruhu ,Atharuhu ,Asbabuhu ,Ilajuhu* (Dar al-Muhtasab: al-Jazair, 1429H/2008M), 6.

⁹ Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, (Selangor: Dawama Sdn Bhd, 2010), 406.

¹⁰ Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, 383.

¹¹ Hibah Allah bin al-Hasan bin Mansur al-Tabari al-Lalakai, *Sharh Usul itiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, ed: Nash'at bin Kamal al-Misri (al-Iskandariyyah: Maktabah Dar al-Basirah), 1: 67.

dan keras kepala”¹² dalam erti kata bahawa makna fanatik iaitu cenderung kepada kebatilan dan berkeras di atasnya serta tidak menerima kebenaran.

Ketiga ialah riwayat perkataan tokoh sejarah Abd al-Rahman bin al-Jawzi (m. 597), di mana beliau berkata bahawa “kami berlindung dengan Allah dari fanatik, sesungguhnya penulis buku ini (iaitu seorang ahli hadis) tidak tersembunyi kepadanya bahawa hadis ini mawdu’” dengan erti kata bahawa sebahagian makna fanatik bagi Abd al-Rahman bin al-Jawzi ialah berpegangnya seorang ulama kepada hadis yang dia tahu bahawa hadis tersebut mawdu’¹³ kerana menegakkan sesuatu untuk dirinya dengan meninggalkan hadis yang sahih dan mengambil yang sebaliknya.

Di antaranya juga perkataan Abu Zakariyya bin Mandih kepada ‘Umar bin ‘Ali al-Laythi al-Bukhari (m. 468) bahawa dia seorang yang mendakwa hafal hadith kecuali dia melakukan *tadlis*¹⁴ (kepada sanad hadith) dan fanatik kepada ahli bidaah¹⁵ dengan erti kata bahawa dia serang tokoh yang cenderung kepada kebatilan. Di antara lain ialah hadis yang disebut oleh Sheikh al-Islam Ibn Taimiyyah (m. 728) bahawa Rasulullah SAW ditanya apakah termasuk daripada fanatik apabila seorang lelaki menolong kaumnya dalam kebenaran? Bersabda Nabi SAW: Tidak! Akan tetapi termasuk makna fanatik bahawa seorang lelaki membantu kaumnya dalam kebatilan¹⁶ dengan erti kata bahawa fanatik adalah melibatkan perkara batil sementara yang berkaitan dengan kebenaran tidak dipanggil fanatik.

Penggunaan perkataan *al-`asabah* juga boleh membawa makna yang positif di mana terdapat nas-nas yang diungkapkan oleh para ulama untuk memuji seseorang dengan perkataan taksuf yang boleh difahami daripada konteks ucapan-ucapan mereka. Di antaranya, Imam al-Dhahabi menyebutkan bahawa al-Qadi Abu al-Hasan Muhammad bin Yahya al-Razi al-Shafi'i (m. 338) adalah seorang yang taksuf kepada sunnah dan membantu ahli-ahlinya¹⁷ dengan erti kata fanatik kepada sunnah Nabi SAW dan suka membantu orang yang berpegang dengan sunnah.

Di antara contoh lain ialah ungkapan Ibn Khayrun memuji Abu Mansur, Abd al-Malik bin Muhammad bin Yusuf al-Baghdadi (m. 460) bahawa “adalah dia seorang yang salih, sangat banyak bersedekah, taksuf kepada sunnah”¹⁸ dengan erti kata fanatik kepada sunnah Nabi SAW.

Kebiasaannya, fanatik dikaitkan dengan pegangan agama atau mazhab namun sebenarnya, fanatik boleh berlaku dalam pelbagai keadaan seperti fanatik keluarga, fanatik puak dan etnik, fanatik serantau, fanatik kepartian, fanatik kepada doktrin-doktrin tertentu, fanatik kepada tokoh tertentu, fanatik kepada pusat-pusat pengajian dan lain-lain lagi. Bahkan ia juga boleh berlaku dalam seluruh kehidupan manusia seperti fanatik kepada

¹² Ibn Abd al-Barr, Yusuf bin Abd Allah bin Muhammad al-Namiri al-Andalusi, *al-Tamhid Lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, ed: Mustafa al-Bakri (al-Maghrib: Wizarah al-Awqaf, 1387), 12: 203.

¹³ Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajr, *Lisan al-Mizan* (Beirut: Muassasah al-A'lami, 1986), 3: 275.

¹⁴ *Al-Tadlis* dari sudut bahasa bermaksud gelap atau bercampur kegelapan sementara dari sudut istilah bermaksud menyembunyikan keaiban pada sanad (terputus pada sanad seperti menggugurkan syeikhnya dan meriwayatkan daripada guru syeikhnya) dan memperelokkan zahirnya (dengan dianggap perawi mengambil hadith daripada guru syeikhnya). Mahmud al-Tahhan, *Taysir Mustalah al-Hadith* (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 2010), 96.

¹⁵ Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaymaz, *Siyar A'lam al-Nubala'*, ed: Hassan Abd al-Mannan (Lubnan: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2004), 2919-2920.

¹⁶ Ibn Taymiah, Ahmad bin Abd al-Halim, *Daqaiq al-Tafsir, al-Jami li tafsir al-Imam Ibn Taymiah*, ed: Muhammad al-Sayyid al-Jalind (Dimashq: Muassasah Ulum al-Quran, 1984), 2: 44.

¹⁷ Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaymaz, *Siyar A'lam al-Nubala'*, 3760.

¹⁸ Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaymaz, *Siyar A'lam al-Nubala'*, 2583.

sains, fanatik kepada perkara-perkara metafizik, fanatik kepada sukan, artis, kelab dan lain-lain.

MAFHUM FANATIK MAZHAB

Para tokoh ilmuan yang ditemui hampir sepakat dalam memberi mafhum kepada fanatik mazhab. Sahibus Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad¹⁹ menyatakan bahawa fanatik sinonim dengan taksub atau ketaksuban, menurut Kamus Dewan bermaksud orang yang keterlaluan pada suatu pegangan atau pendirian. Fanatik juga boleh difahami sebagai seseorang yang tidak boleh menerima kebenaran, walaupun sudah nyata dan terang dalil, tetapi masih menunjukkan keghairahan yang melampau, kecenderungan secara membabi buta tanpa tolak-ansur atau *tasamuh* untuk mendokong puak atau aliran yang dipegang.

Dato' Dr. Johari bin Mat²⁰ pula mendefinisikan taksub mazhab atau fanatik mazhab secara umum ialah seseorang atau satu kumpulan berpegang dengan satu-satu mazhab atau satu-satu fahaman dan hanya merasakan ianya sahaja yang benar dan tidak mengambil atau tidak memberi peluang kepada fahaman lain untuk dikongsi walaupun mazhab dan fahaman yang lain itu sahih.

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari²¹ menyebut secara ringkas bahawa fanatik mazhab (adalah) memandang mazhabnya sahaja yang benar dan lebih baik dan tidak ingin mengetahui mazhab lain.

Tuan Guru Hj. Awang²² pula menjelaskan fanatik mazhab secara lughah atau bahasa adalah seseorang itu melampaui pada pegangannya terhadap seseorang yang tertentu atau suatu aliran yang tertentu sekira-kira adalah dia cemburu sekiranya ada pegangan yang selainnya. Beliau kemudiannya mengulas bahawa "kalaulah makna taksub secara fahaman lughahnya begitu, maka sah dikatakan bahawa taksub itu ada yang dituntut dan ada yang dilarang dalam agama. Adapun taksub yang dituntut ialah bahawa seseorang bersungguh-sungguh mempertahankan kebenaran yang dipegangnya yakni agama dan dia cemburu kepada agama yang lain atau aliran yang lain. Taksub yang dilarang pula iaitu seseorang itu secara melampau menjadi penolong kepada seorang yang lain atau kepada puak yang tertentu secara zalim yakni dengan erti kata bahawa dia membantu bukan di atas kebenaran agama".

Kemudian, Tuan Guru Hj. Awang memadamkan makna perkataan fanatik dengan perkataan mazhab dengan mengatakan bahawa "Mazhab bererti *ما ذهب إليه الإمام* iaitu pendapat imam yang tertentu dalam apa-apa masalah agama. Oleh itu, maksud taksub mazhab ialah seseorang berpegang secara bersungguh-sungguh kepada pendapat imam yang dipegangnya dalam beragama sama ada dalam fekah atau dalam akidah dan juga dalam tasawuf. Sekiranya ia betul maka itu adalah taksub yang dibenarkan dalam agama bahkan dituntut manakala sekiranya ia tidak benar atau menyeleweng maka ia adalah taksub yang dilarang dan dicela dalam agama".

Meneliti pendapat para tokoh ilmuan dalam memahami mafhum fanatik mazhab boleh disimpulkan bahawa mereka (responden) bersetuju bahawa fanatik itu secara

¹⁹ YBhg. Sahibus Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan.

²⁰ YBhg. Dato' Dr. Dato' Dr. Johari bin Mat, Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia.

²¹ YBhg. Tuan Tuan Hj. Abdullah al-Qari Haji Salleh, tokoh agamawan yang banyak menghasilkan buku-buku berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Penerima Anugerah Doktor Kehormat Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 2016.

²² YBhg. Tuan Guru Hj. Awang bin Yusoff, Mudir Pondok Banggol Naim, Gelang Mas Pasir Mas, Kelantan.

umumnya menampakkan sikap melampau dalam suatu pegangan. Fanatik nampaknya lebih sinonim dengan sikap negatif di mana seseorang berpegang kepada sesuatu dengan kuat sehingga tidak memberi peluang kepada pendapat lain yang berlawanan. Mafhum inilah yang tular dalam masyarakat dan diambil faham oleh kebanyakan orang.

Walau bagaimanapun, memang benar mafhumnya secara bahasa sah untuk diletakkan kepada sikap berpegang kepada kebenaran dan bersungguh-sungguh menjadi pembantunya serta sah juga untuk dipakaikan kepada sikap keterlaluan dalam mempertahankan kebatilan. Ini bertepatan dengan pentakrifan fanatik secara bahasa sebagaimana telah dibincang.

Apabila diajukan persoalan benarkah fanatik mazhab berlaku dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf dalam negara ini responden semuanya mengakui bahawa ia benar berlaku. Sahibus Samahah Dato' Shukri dilihat menyingkap sejarah Islam dalam hal tersebut dengan menyatakan bahawa "Masyarakat Islam atau lebih tepat umat Islam dalam sejarahnya berhadapan dengan pelbagai cabaran dalaman dalam bentuk penyelewengan. Selepas kewafatan Rasulullah SAW peristiwa riddah berlaku, kerana menafikan hukum zakat. Kekhilafan berlaku berkaitan perlantikan khalifah. Kesan ketara mencetuskan wujud mazhab Syiah dan Khawarij yang memang taksuf dan ekstrem. Pada zaman Abbasiyyah kesan kemasukan ilmu falsafah, lahirlah perbincangan ilmu Kalam yang mencetuskan pula aliran pemikiran dalam kalangan Ahli Sunnah kepada aliran Salafiyyah, Asyairah dan Maturidiyyah, untuk berdepan dengan aliran Muktazilah, Qadariyyah, Jabariyyah dan lain-lain. Selain itu muncul pula aliran Batiniyyah. Jadi pada awalnya perpecahan umat Islam adalah dalam arena politik kemudian telah mempengaruhi madrasah fihiyyah, melarat pula kepada madrasah akidah dan tasawuf."

Dalam masalah akidah, beliau menyimpulkan bahawa madrasah Ahli Sunnah dalam perkara akidah telah berpecah kepada mazhab Salaf, al-Asya'irah dan Maturidiyyah. Mazhab Syiah berpecah kepada lima puluh dua. Khawarij berpecah kepada enam belas, Mu'tazilah kepada dua belas. Jabariyyah kepada tiga. Dalam kalangan aliran mazhab-mazhab tersebut memang ada terjadi ketaksufan terhadap mazhab masing-masing.

Dato' Dr. Johari dalam hal ini merujuk sejarah berlakunya gejala fanatik mazhab dalam akidah bermula sejak munculnya golongan Syiah, Muktazilah, Jabariah, Qadariah dan sebagainya. Dalam syariah, dilihat, setengah pengikut-pengikut mazhab yang taksuf pada mazhab mereka masing-masing dan mereka tidak membenarkan untuk mengambil pandangan daripada mazhab lain.. Begitu juga halnya dengan tasawuf.

Tuan Guru Hj. Awang menjelaskan pada zahirnya amalan taksuf mazhab ini ada berlaku dalam masalah akidah, fekah dan tasawuf. Maka, kembali kepada takrif sebelum ini sekiranya apa yang dipegang itu betul dan bertepatan dengan hakikat sebenar bagaimana agama ini, maka sikap taksuf ini tidak ada masalah bahkan dituntut manakala sekiranya apa yang dipegang itu tidak betul dan tidak bertepatan dengan hakikat sebenar, maka itu adalah taksuf yang salah dan tidak boleh dibiarkan.

Ketika ditanya apakah isu fanatik mazhab ini benar-benar berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia, para ilmuan memberi respon yang hampir sama iaitu mereka secara umum bersetuju bahawa isu fanatik mazhab benar-benar berlaku dalam masyarakat Islam di negara ini. Sahibus Samahah Dato' Shukri dilihat mengulas isu ini di mana beliau berpendapat bahawa "Umat Islam di Malaysia, bersikap taksuf begitu ketara dalam arena parti politik. Pendokong parti akan mempositifkan dan mempertahankan setiap tindakan yang dilakukan oleh parti, biarpun nyata salah dan membawa kerugian kepada umat. Namun, tidak terjadi demikian dalam hal bermazhab."

Beliau menegaskan bahawa "budaya taksuf mazhab tidak wujud di kalangan umat Islam di Malaysia, seperti yang berlaku dalam sejarah peradaban umat Islam. Tidak

terjadi pengikut-pengikut mazhab bertelingkah mempertahankan mazhab masing-masing, sehingga berlaku perpecahan dan keganasan. Di Malaysia, umat Islam memperlihatkan kematangan mereka bertolak ansur, bertasamuh terhadap perbezaan amalan-amalan fiqh, akidah dan tasawuf. Kesan daripada kematangan umat Islam di Malaysia tercermin dalam sikap mereka. Umat Islam di negara ini tidak menghalang Masjid India, Masjid Pakistan dan Masjid Cina Muslim didirikan di merata tempat. Pengajaran fiqh sunni dalam mazhab muktabar didedahkan dalam masjid-masjid, surau-surau, tempat pusat pengajian.

Sahibus Samahah Dato' Shukri berhujah berdasarkan peruntukan dan undang-undang berpendapat bahawa "Penekanan pegangan satu mazhab (Mazhab Syafie) untuk Malaysia, malah rantau ini, tidak boleh dianggap atau dilabel sebagai taksu mazhab. Semua negara menetapkan mazhab negara, adalah untuk keselarasan, keharmonian dan keseragaman beramal. Hal demikian, boleh dibuktikan dengan adanya Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) 1994 sebagai contoh, termaktub dalam Enakmen tersebut Seksyen 37.

- (1) Semasa mengeluarkan fatwa di bawah Seksyen 36. MAIK atau Jamaah Ulama hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie.
- (2) Jika MAIK atau Jamaah Ulama berpendapat, bahawa qaul yang muktamad dari Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam. MAIK atau Jamaah Ulama bolehlah dengan keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengikut qaul dari mana-mana Mazhab Islam yang muktabar, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka qaul Ahli Sunnah wal Jamaah hendaklah diikuti."

Beliau menegaskan bahawa Enakmen MAIK itu adalah gambaran jelas, umat Islam di negeri ini tidak dididik taksu mazhab. Sebaliknya umat Islam dididik agar menjadi umat yang tidak akan bersepakat dalam apa jua yang boleh membawa kesesatan, (إن أمتي لا (تجتمع على ضلالة (فعليكم بالسواد الأعظم), tetapi akan ikut golongan majoriti, arus perdana).

Sahibus Samahah Dato' Shukri juga mengaitkan pengamalan beragama di negeri Kelantan secara khusus dengan pemerintah di mana beliau menyebutkan bahawa umat Islam di negeri ini akan ikut dan taat kepada "Waliyyulamri". Ketetapan yang dibuat oleh al-Sultan, mengikuti *mainstream* arus perdana umat "ولزوم الجماعة" baik dalam bidang akidah, syariat dan tasawuf.

Dato' Dr. Johari berpendapat sedikit berbeza di mana beliau berhujah bahawa pengamalan agama di negara ini berasaskan mazhab Al-Ash'ari dari sudut akidah, al-Syafie dari sudut syariah dan al-Ghazali dari sudut tasawuf berpotensi membibitkan fanatik mazhab. Beliau berpendapat bahawa secara umumnya di Malaysia dalam bab feqah kita mengikut mazhab Imam Syafie dan kita juga sering mendengar dalam bab aqidah kita mengikut Ash'ari dan Maturidi dan dalam bab tasawuf kita sering dengar disebut sebagai al-Ghazali. Apabila kita meletakkan begitu, secara sedar atau tidak, ini adalah sebagai benih-benih atau cara taksu mazhab.

Beliau kemudian membawa pembuktian dalam masalah akidah dengan mengatakan bahawa ada pihak yang mengeluarkan kenyataan tidak boleh belajar aqidah kecuali dengan cara Sifat 20 mazhab Al-Ash'ari dan sesiapa yang tidak belajar dengan cara itu, maka telah dianggap menyeleweng. Ini adalah unsur taksu, katanya.

"Namun di dalam bab feqah agak longgar sedikit. Dalam masyarakat kita di Malaysia menyebut bahawa, kita asasnya kalau di Kelantan, semua negeri selain Perlis,

mereka mengatakan mazhab dasarnya ialah mazhab Syafie namun mazhab-mazhab lain seperti Maliki, Ahmad, Hanafi boleh diterima pakai. Dan di sini unsur taksub tidak keterlaluan berbanding di dalam bab aqidah. Dalam bab akhlak juga kita lihat ada golongan-golongan ahli tasawuf yang menganggap mereka sahaja yang betul dan orang lain tidak boleh diikuti walaupun dikalangan sesama tasawuf.”

Tuan Guru Hj. Awang pula berpandangan bahawa isu fanatik mazhab dengan erti kata sikap melampau dalam berpegang dengan mazhab ini baik akidah, baik fiqah, sebenarnya tidak berlaku sebelum ini kecuali selepas kewujudan mazhab-mazhab atau aliran-aliran baru yang masuk ke dalam Tanah Melayu suatu ketika dulu. Apabila mazhab atau aliran ini masuk ke dalam negara kita maka berlakulah pertembungan di antara mazhab tersebut dengan mazhab yang sedia ada di sini. Dari sinilah bermulanya sikap fanatik dalam mazhab. Ketika itu, masing-masing mazhab mempertahankan hujah dan cuba mengalahkan mazhab lain. Ditanya mengenai mazhab apakah yang masuk dalam negara ketika itu, beliau menjawab bahawa: “Tanah Melayu pernah dimasuki mazhab Syiah, mazhab Wahabi dan ajaran-ajaran sesat yang bermacam. Sebahagiannya laku di kalangan segelintir umat Islam sementara sebahagiannya telah mati tidak laku hasil usaha para alim ulama terdahulu”.

Ketika diajukan soalan mengenai bagaimana gambaran pengamalan beragama yang murni tanpa fanatik mazhab para ilmuwan masing-masing memberi respon tersendiri. Dato’ Dr. Johari cuba menggambarkan suasana tersebut dengan mengaitkan dengan zaman awal Islam. Beliau menyatakan bahawa beragama secara murni tanpa fanatik mazhab boleh dilihat kepada sejarah umat Islam di zaman para sahabat yang terawal di mana mereka mempunyai berbagai pandangan dalam satu masalah namun mereka tidak fanatik terhadap pandangan seseorang dan mereka boleh memilih mana yang lebih sesuai untuk mereka amalkan. Kata beliau: “ Jadi itulah cara yang betul kalau kita hendak melihat kemurnian dalam beragama, jangan kita fanatik terhadap mana-mana pandangan namun kita boleh memilih mana-mana pandangan daripada para ulamak dengan berdasarkan dalil yang kuat.”

Beliau mengambil semangat sejarah awal Islam di zaman sahabat yang mengutamakan kebenaran berdasarkan dalil yang kuat atau sahih tanpa wujud unsur fanatik untuk diaplikasikan di negara ini supaya pengamalan beragama tidak berlaku secara fanatik bahkan umat Islam diberi peluang memilih pandangan berdasarkan dalil yang kuat yang dirasakan sesuai dengan dirinya.

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari sependapat dengan Dato’ Dr. Johari dalam memberi gambaran pengamalan beragama yang murni tanpa fanatik mazhab di mana beliau juga merujuk kepada zaman hayat Rasulullah SAW dan para sahabat RA.

Tuan Guru Hj. Awang pula memberikan contoh pengamalan beragama yang murni tanpa fanatik mazhab boleh dilihat sepanjang sejarah tamadun Islam seperti di Mekah yang menjadi pusat pengajian ilmu Islam sejak dahulu lagi di mana pengamalan mazhab adalah Ashai’rah akidah dan empat mazhab fiqah serta mereka bertasawuf. Mereka hidup dengan baik, saling hormat menghormati antara satu sama lain walaupun masing-masing taksub kepada pegangan mereka. Maka inilah gambaran taksub mazhab yang baik dan dianjurkan dalam agama. Selepas itu, lahir mazhab atau aliran yang taksub secara melampau yang mana bukan setakat khilaf dalam ilmu tetapi membawa kepada tindakan-tindakan yang keras.

Dalam hal ini Sahibus Samahah Dato’ Shukri menyatakan rasa kagumnya terhadap pandangan jauh ke hadapan yang dikemukakan oleh ulama silam, khususnya di Kelantan. Untuk mengelak daripada berlaku, pertembungan, perpecahan dan ketaksuban dalam masalah akidah, maka kita dapati dan boleh diceremati dalam Undang-Undang

Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan termaktub dalam perkara Pengertian, 4(1) "Di dalam Bahagian ini, melainkan nasnya berkehendak pengertian yang lain:- "Ahlu Sunnah Wal Jamaah" maknanya ialah mazhab Abu Al-Hasan Al-Asha'ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya."

Persoalannya apakah berpegang dengan mazhab akidah yang benar boleh dianggap dan dilabelkan sebagai fanatik mazhab. Mengulas masalah ini Sahibus Samahah Dato' Shukri menjelaskan bahawa "penekanan pegangan satu mazhab, Ahlu Sunnah wal Jamaah yang dipelopori al-Ash'ari dan al-Maturidi kerana mazhab ini diikuti oleh majoriti umat Islam. Sekali lagi ditegaskan bahawa tidak boleh dilabelkan sebagai taksib mazhab, kerana umat Islam di negara ini dan negeri ini memahami perbezaan pandangan yang wujud perlu dihadapi dengan sikap berlapang dada tanpa menghukum sesat-menyesat atau kafir mengkafir atau bidaah membid'ah."

Beliau menegaskan lagi bahawa dalam situasi yang lain, kalau terdapat penolakan terhadap aliran mazhab tertentu juga tidak boleh dilabelkan sebagai taksib mazhab, tetapi lebih melihat kepada kesesuaian untuk diamalkan di negara ini. Mungkin aliran tertentu sesuai untuk iklim, suasana atau negara tertentu dan tidak sesuai diamalkan di negara ini, contohnya mazhab Syiah, walaupun mereka mengaku berada dalam kepompong Islam, tetapi aliran itu yang dinamakan firqah, sudah menyentuh akidah yang terkeluar daripada arus perdana memecah kedudukan *السواد الأعظم* golongan majoriti.

Berbeza dengan Dato' Dr. Johari yang berpendapat bahawa berlakunya fanatik mazhab yang kuat dalam masalah akidah di negara ini apabila golongan Ahlu al-Sunnah al-Ashai'rah menentang keras aliran-aliran lain yang bertentangan khususnya aliran salafi. Beliau menganggap bahawa persoalan manhaj yang dibawa oleh al-Ashai'rah mahupun mazhab al-Salafi adalah bersifat ijtihadi dan bukan mutlak.

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari turut bersetuju dengan Dato' Dr. Johari di mana beliau menyatakan bahawa pegangan mazhab Al-Ash'ari iaitu secara khususnya masalah sifat 20 menjadi bukti kuat yang menunjukkan berlakunya fanatik mazhab akidah di negara ini. Kefanatikan tersebut membawa kepada perselisihan yang kuat dengan aliran-aliran yang lain khususnya akidah yang dipelopori oleh Imam Ibn Taymiah iaitu akidah yang menekankan Tauhid al-Uluhiyyah, al-Rububiyyah dan al-Asma' wa al-Sifat yang dipegang oleh aliran al-Salafi kerana masing-masing mengaku mengikuti ajaran Ahlu al-Sunnah wa al-Jamaah.

Ketika menjawab soalan apakah berpegang dengan mana-mana mazhab akidah seperti mazhab al-Ash'ari, al-Salafi atau Syiah boleh dianggap fanatik mazhab? Dato' Dr. Johari menegaskan bahawa berpegang dengan mana-mana aliran bukan bererti fanatik tetapi ia adalah cara atau pendekatan seperti pengajian di sekolah. Pendekatan yang dibawa oleh Ash'ari atau Ashai'rah itu adalah satu pendekatan. Al-Salafi juga satu pendekatan. Justeru kita tidak boleh menolak pendekatan yang lain selama mana pendekatan itu berdasarkan kepada sumber yang asal iaitu Al-Kitab (Al-Qur'an) dan Al-Sunnah.

Tuan Guru Hj. Awang menjelaskan bahawa ketaksiban dalam agama adalah suatu keperluan di mana sekiranya tidak ada taksib dalam diri seorang muslim akan menjadikannya tidak peduli kepada agama dan tidak sensitif dengan sebarang perkara yang mengganggu agamanya. Dalam hal ini beliau menegaskan bahawa di negara ini, sikap taksib kepada mazhab akidah ini benar-benar wujud di mana berlakunya khilaf antara kaum tua dengan kaum muda. Setiap satunya taksib dengan mazhab masing-masing. Dalam hal seperti ini, kita rujuk pengertian taksib sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini iaitu taksib kepada kebenaran adalah suatu tuntutan dan taksib kepada kebatilan adalah taksib yang tercela.

Berhubung persoalan bagaimanakah fanatik mazhab boleh berlaku dalam masalah syariah dan apakah wujud kes-kes yang boleh dirujuk sebagai bukti yang menunjukkan berlakunya fanatik mazhab dalam pengamalan syariah di negara ini, para ilmuan dilihat memberi respon yang berbeza. Dato' Dr. Johari mengakui bahawa berlakunya sikap fanatik mazhab fiqh al-Syafie dalam kalangan umat Islam khususnya dalam masalah solat sementara dalam bahagian lain seperti zakat dan kewangan lebih terbuka. Beliau menyatakan bahawa dalam bab syariah ini dilihat para ulamak tidak begitu ketat dalam pengamalannya terutamanya daripada Majlis Agama Islam. Sebagai buktinya dalam masalah seperti zakat, kewangan Islam dan sebagainya. Walaupun kita melihat di dalam beberapa bab dari segi solat mereka agak ketat dan mereka hanya mengikut mazhab Syafie sahaja namun di dalam beberapa bab lain mereka agak lebih terbuka dan menerima kerana kesesuaian dengan keadaan semasa dan keperluan kepada masyarakat.

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari pula mengeluarkan beberapa kes sebagai contoh yang boleh dirujuk bahawa berlakunya fanatik mazhab dalam amalan fiqah iaitu kes qunut subuh, solat qabliyyah Jumaat, tahlil kepada orang mati dan amalan tunggu kubur. Amalan ini lebih kepada persoalan khilafiyah. Namun, kefanatikan dapat dilihat apabila setiap pihak menyalahkan pihak yang lain yang tidak sehaluan dengan pandangan mereka.

Tuan Guru Hj. Awang memberi respon bahawa asalnya tidak ada taksub dalam masalah syariah melainkan taksub yang baik sebagaimana yang beliau maksudkan menurut takrifnya secara bahasa. Pengamalan fiqah berlaku secara baik berasaskan mazhab Syafie. Dalam perkara-perkara yang tidak mampu dilaksanakan menurut mazhab Syafie, para ulama menganjurkan pendapat daripada mazhab lain seperti dalam masalah zakat fitrah menurut mazhab Hanafi dan niat puasa sebulan sekaligus menurut mazhab Maliki. Begitulah keharmonian beragama di sini. Beliau melanjutkan bicara dengan menyatakan bahawa "Apabila timbulnya aliran kaum muda yang membawa pendapat yang banyak mengelirukan orang awam dan menghukumkan amalan-amalan yang biasa dilakukan oleh umat Islam di negara ini dengan hukuman yang berat seperti bidaah, sesat dan masuk neraka maka zahirlah sikap taksub di kalangan kaum tua. Bagaimanapun taksub mereka itu betul kerana mereka mempertahankan kebenaran. Golongan kaum muda pun juga taksub dengan pendapat mereka bahkan mereka lebih keras dan tidak boleh menerima langsung pendapat orang lain walaupun ada dalil."

Secara kesimpulannya, para ilmuan memberi pendapat menurut kecenderungan dan fahaman masing-masing. Ia membuktikan wujud gejala fanatik mazhab dalam beberapa permasalahan syariah. Gejala ini banyak dipengaruhi persepsi yang berbeza yang sebenarnya boleh dijernihkan.

Ketika diajukan persoalan apakah perbezaan di antara fanatik mazhab dengan pengamalan mazhab dan benarkah berpegang dengan satu mazhab tanpa menolak pandangan mazhab yang lain tidak dianggap fanatik mazhab, para ilmuan memberi respon yang pelbagai. Sahibus Samahah Dato' Shukri memberi respon yang cukup menarik di mana beliau mengaitkan fanatik mazhab dengan sikap seseorang. Beliau menyatakan bahawa "fanatik mazhab biasanya membentuk sikap dan pendirian, merasakan bahawa mazhab yang dipegang itu sahaja yang benar dan betul, manakala mazhab yang lain semuanya adalah batil dan salah. Akibatnya kecelaruan dan perpecahan berlaku dalam masyarakat". Beliau kemudiannya menggambarkan pendirian orang yang bermazhab secara tidak fanatik dengan katanya "mereka yang tidak fanatik berpegang dengan ungkapan "pendapat aku betul, tetapi masih berkemungkinan salah, pendapat orang lain salah tetapi masih berkemungkinan betul". Perkataan yang disebut oleh Sahibus Samahah Dato' Shukri di atas adalah ungkapan para ulama mazhab yang muktabar seperti Imam al-Syafie dan Imam Abu Hanifah.

Sahibus Samahah Dato' Shukri juga menegaskan bahawa fanatik mazhab antara punca perpecahan umat Islam, bukan amalan bermazhab, amalan bermazhab adalah rahmat. Pendapat tersebut adalah bertepatan dengan konsep khilaf dalam syariah Islam yang menyatakan bahawa khilaf para imam menjadi rahmat kepada umat²³.

Bagi Dato' Dr. Johari pula, beliau membezakan fanatik mazhab dengan pengamalan berasaskan mazhab yang tertentu. "Fanatik mazhab dengan pengamalan mazhab itu berbeza. Fanatik mazhab maknanya dia menolak terus mazhab lain. Pengamalan mazhab seperti kita dalam masyarakat kita mengamalkan pada asasnya mazhab Syafie dalam bab fiqh namun dalam hal-hal tertentu kita tidak tertutup untuk mengguna pandangan mazhab lain sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat kita seperti masalah zakat. Mazhab Syafie mewajibkan mengeluarkan zakat fitrah dengan bahan yang dimakan ditempat kita seperti beras namun kita telah membayar dengan wang atau nilai. Membayar dengan nilai itu bukan lagi mazhab Syafie namun ia diamalkan dalam masyarakat kita pada hari ini. Ini menunjukkan perbezaan antara fanatik mazhab dengan pengamalan mazhab."

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari mengupas persoalan di atas dengan mengatakan bahawa pengamalan mazhab banyak terpengaruh kepada tradisi tempatan²⁴. Kenyataan beliau menggambarkan berlakunya fanatik mazhab dalam masalah syariah di negara ini dan kebanyakan masalah dipengaruhi oleh pengamalan secara tradisi iaitu amalan-amalan yang telah diamalkan oleh umat Islam sejak awal Islam di Tanah Melayu seperti maulid, kenduri dan tahlil arwah, tunggu kubur, baca Yasin malam Jumaat, Nisfu Syaaban dan lain-lain.

Tuan Guru Hj. Awang menjelaskan bahawa ada beza di antara fanatik mazhab dengan pengamalan mazhab akan tetapi ia merujuk kepada benda yang sama iaitu seorang yang beramal dengan mazhab tertentu sudah tentu dia lebih taksub kepada mazhab tersebut berbanding dengan mazhab yang lain. Maka di sini, mafhumnya kembali kepada takrif taksub itu sendiri. Beliau juga menambah bahawa "berpegang kepada satu mazhab tanpa menolak mazhab yang lain adalah taksub kepada mazhab tersebut tetapi bukan dengan erti kata taksub yang tercela kerana kita diajar oleh ulama-ulama kita bahawa wajib bertaklid di dalam masalah syariah kepada mana-mana imam mujtahid yang empat dalam masa yang sama tidak menafikan imam-imam yang lain bahkan menghormati dan menyanjung tinggi."

Ketika ditanya mengenai bagaimanakah fanatik mazhab boleh berlaku dalam masalah tasawuf, para ilmuan dilihat memberi respon yang menarik. Sahibus Samahah Dato' Shukri menjelaskan bahawa oleh kerana fanatik mazhab tidak berlaku dalam akidah dan syariah, maka keadaan yang sama juga dalam masalah tasawuf. Pengikut tariqat mengamalkan tariqat masing-masing. Setiap tariqat bertolak ansur terhadap perbezaan amalan tariqat. Oleh sebab yang demikian menurut Sahibus Samahah Dato' Shukri tidak timbul isu kefanatikan dalam pengamalan tasawuf dan akhlak. Kalau ada dakwaan-dakwaan yang menunjukkan bahawa wujudnya kefanatikan terhadap guru atau syeikh yang tertentu atau tarikat yang tertentu maka ia boleh dianggap sebagai kes terpencil.

Kenyataan beliau dilihat sejajar dengan hakikat dalam dunia tasawuf yang lebih bersifat sebuah madrasah untuk membersihkan diri dan hati yang merupakan tugas utama para rasul lebih-lebih lagi Nabi kita Muhammad SAW. Baginda sendiri mengajar para sahabat amalan atau jalan yang berbeza-beza untuk sampai kepada Allah SWT sesuai dengan sahabat itu sendiri. Sekiranya wujud unsur kefanatikan dalam dunia tasawuf, itu

²³ Konsep tersebut ialah اختلاف الأئمة رحمة للأمة.

²⁴ Jawapan bertulis Haji Abdullah al-Qari

bukan bererti tasawuf menjadi punca fanatik atau perpecahan tetapi kerana kejahilan atau kedangkalan pengamalannya yang telah lari dari prinsip tasawuf itu sendiri.

Dato' Dr. Johari berpandangan wujud unsur taksuf dalam mazhab tasawuf dengan lahirnya pelbagai aliran dan setiap aliran mendakwa merekalah yang paling baik dan merekalah yang paling dekat dengan jalan yang sebenar dan menafikan orang-orang lain sampai ke tahap mereka atau jalan mereka. Ini adalah juga unsur taksuf. Kerana itulah kita melihat ada di antara golongan tasawuf ini tidak mengiktiraf golongan yang lain. Itu tanda taksuf.

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari juga memberi pandangan bahawa fanatik boleh berlaku disebabkan pengaruh guru atau syekh. Maksud Dato' Dr. Johari dan Tuan Haji Abdullah al-Qari bahawa unsur fanatik dalam bidang tasawuf boleh berlaku apabila seseorang menganggap alirannya sahaja yang betul dan aliran-aliran lain adalah salah di samping pengaruh sebahagian guru tasawuf atau tarikat yang menjana kefanatikan murid terhadapnya.

Tuan Guru Hj. Awang yang menyatakan bahawa ilmu tasawuf adalah salah satu ilmu Islam dan pengamal ilmu tasawuf adalah pengamal sebahagian daripada Islam dan lebih istimewa pengamalan ilmu ini mesti dengan cara berguru tidak boleh sendiri-sendiri. Inilah sunnah Rasulullah SAW di mana Baginda mentarbiah dan mentazkia para sahabat secara langsung serta sentiasa *mutaba'ah* para sahabatnya. Kalau ada sahabat yang tidak kelihatan menghadiri solat jemaah atau tidak ikut keluar jihad akan diusul periksa oleh Rasulullah SAW." Jelasnya lagi bahawa "pengamalan tarikat yang berbeza-beza juga adalah sunnah Rasulullah SAW di mana Nabi membuka jalan yang banyak untuk *taqarrub* kepada Allah dan setiap jalan itu disesuaikan dengan kedudukan atau kekurangan seseorang sahabat. Sahabat yang kaya dianjurkan supaya memperbanyakkan infaq dan memberi makan sementara sahabat yang masih mempunyai ibubapa disuruh berbakti kepada keduanya dan sahabat yang ada kelayakan diminta untuk keluar jihad fi sabilillah".

Ditanya apakah wujud kes-kes yang boleh dirujuk sebagai bukti yang menunjukkan berlakunya fanatik mazhab dalam masalah tasawuf di negara ini, Dato' Dr. Johari menjelaskan secara umum kalau kita bertanya kepada pengikut-pengikut mana-mana aliran tasawuf mereka menganggap bahawa aliran mereka atau kumpulan mereka yang paling baik. Kumpulan lain semuanya tidak sebaik mereka. Walaupun mereka mengaku itu baik tetapi tidak sebaik mereka. Ini adalah sebagai tanda-tanda ketaksufan.

Tuan Guru Hj. Awang pula memberi respon bahawa dia tidak ada mendengar masalah taksuf kepada tasawuf secara melampau sama ada kepada guru atau pengajian. Beliau menjelaskan bahawa "semua para ulama, guru-guru pondok mengajar ilmu tasawuf berpandukan kitab-kitab yang sama seperti kitab Imam al-Ghazali, kitab Hikam Sheikh Ataillah al-Sakandari, kitab Sheikh Abd Samad, kitab penawar bagi hati Sheikh Abd Qadir al-Mandili. Jadi, tidak timbul di situ masalah taksuf. Yang timbulnya beramal atau tidak dengan tasawuf. Yang banyak kita dengar ialah belajar kitabnya banyak tetapi tidak beramal dengan isi kitab. Kalau ada orang bercakap bahawa guru itu yang paling bagus dalam tasawuf, guru ini begini-begini maka itu bukan taksuf tetapi kerana barangkali tidak biasa atau tidak mengenali dengan dekat atau sebagainya. Kes-kes sebegini tidak boleh dijadikan alasan untuk mengatakan bahawa berlakunya taksuf yang melampau dalam tasawuf".

PUNCA-PUNCA BERLAKUNYA FANATIK MAZHAB DI MALAYSIA

Menjawab persoalan tentang punca kepada berlakunya fanatik mazhab dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf di negara ini para ilmuwan memberi respon yang menarik. Sahibus Samahah Dato' Shukri menegaskan bahawa tidak wujud isu fanatik mazhab dalam masalah syariah di negara ini. Beliau menjelaskan bahawa "seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pada pendapat saya tidak berlaku apa yang disifatkan atau dilabelkan sebagai fanatik mazhab. Bagi saya yang ada ialah sikap berlebihan dalam mazhab, tidak mahu mengikuti manhaj "pertengahan" yang bercirikan tawazun, keseimbangan dan keadilan.

Beliau memberikan gambaran kepada sikap fanatik mazhab yang sebenar dengan menegaskan bahawa "sikap berlebihan dalam mazhab mengakibatkan tumbuhnya sikap memperketatkan masalah-masalah kecil dan merasa sempit dada kepada setiap orang yang berbeza dengan alirannya. Dengan itu mereka tidak lagi boleh bersikap toleran. Mereka menjadi golongan yang paling sibuk untuk mencari masalah, mencetuskan masalah dan mencari salah. Mereka jadi anti kepada arus perdana "السواد الاعظم".

Dato' Dr. Johari pula menjelaskan bahawa ada empat sebab yang menjadi punca kepada fanatik mazhab. Beliau menjelaskan bahawa secara umumnya punca fanatik mazhab ini yang pertama ialah tidak benar-benar berpegang kepada Jama'atil Muslimin yang berpegang teguh dengan Agama Allah. Kedua, iaitu tidak kembali kepada wahyu dan tidak mengambil nas-nas langsung daripada Kitab dan Sunnah dan hanya berpegang dengan pendapat-pendapat alim ulamak. Ini yang menyebabkan punca berlaku taksub mazhab. Ketiga ialah menegakkan mazhab atau pendirian mazhab dengan hadis yang dhaif dan kadang-kadang ada yang maudhu'. Begitu juga ada pendapat yang tidak selari dan di samping itu tidak mengambil atau meninggalkan hadis-hadis yang sahih apabila bertentangan atau tidak sealiran dengan mazhab yang mereka anuti. Yang keempat ialah meletakkan imam-imam yang menjadi ikutan sama tahap atau sama kedudukannya dengan mengikut Rasulullah SAW. Ini juga di antara sebab yang telah disebut di dalam perbincangan-perbincangan kitab-kitab fekah yang dulu. Itu adalah sebab-sebab yang boleh mendorong orang berlaku taksub."

Ketika para ilmuwan ditanya persoalan benarkah negara ini suatu masa dahulu tidak pernah timbul masalah fanatik mazhab sama ada dalam masalah akidah mahupun syariah sehinggalah muncul mazhab-mazhab yang baharu dibawa masuk oleh pelajar-pelajar yang balik daripada timur tengah seperti gerakan pembaharuan Sheikh Muhammad Abduh dari Mesir dan aliran al-Salafi dari Saudi Arabia mereka dilihat memberi reaksi yang berbeza. Sahibus Samahah Dato' Shukri memperhalusi kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa "menurut pengamatan saya, kenyataan itu adalah satu kenyataan dan banyak kebenarannya. Walaupun ramai yang menuntut di Timur Tengah seperti Mesir, Arab Saudi, mereka tidak menimbulkan apa-apa masalah dalam masyarakat, malah masyarakat menghormati dan menyanjung tinggi keilmuan mereka. Contoh yang paling nyata, Tok Kenali belajar di Arab Saudi dan ramai lagi lulusan Mekah, tetapi mereka tidak menimbulkan kecelaruan dalam masyarakat. Begitu juga dengan lepasan dan lulusan Al-Azhar, tidak menimbulkan sikap berlebihan, malah merekalah yang menampakkan kedinamikan ilmu agama, jauh sekali untuk dilabelkan sebagai fanatik mazhab." Beliau menambah bahawa pelajar-pelajar Timur Tengah yang tamat belajar dan menyumbang kepada dinamika agama di negara ini adalah pelajar-pelajar yang telah menerima pengajian yang cukup dan memahami kerangka agama dengan sempurna. Sebab itu mereka tidak mudah larut dengan aliran atau fahaman yang tidak secocok dengan

pegangan dan amalan yang biasa di negara ini. Hal demikian, pada pandangan saya mereka yang menyambung pelajaran ke Timur Tengah itu, pengajian yang mereka terima di tanah air agak sudah mantap. Mereka menerima ilmu sebanyak mungkin di Timur Tengah, tetapi mereka tidak larut, dan terikut-ikut dengan suasana di sana. Bila balik ke tanah air, mereka menghormati *establishment* "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung". Air yang sudah dijernihkan oleh ulama silam, tidak lagi dikeruhkan."

Ketika para ilmuan diajukan soalan apakah mereka bersetuju bahawa kejahilan menjadi punca utama kepada fanatik mazhab dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf mereka dilihat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sahibus Samahah Dato' Shukri dilihat merespon panjang persoalan tersebut dengan menegaskan bahawa "fanatik mazhab bukan sahaja berlaku di kalangan mereka yang dikategorikan jahil yang jahil mengikut sahaja, tetapi yang ramai terdiri daripada mereka yang mempunyai ilmu. Pada pendapat saya, kalau diperhatikan dan dicermati, ada dua punca utama iaitu faktor akhlak dan faktor pemikiran. Faktor akhlak, walaupun mereka berilmu, tetapi motivasi daripada sikap tertentu, mereka menjadi fanatik. Di antaranya:

1. Suka membanggakan diri sendiri dan mengkagumi pendapat dan kebolehan diri "الإعجاب بالرأى",
2. Tidak ada perasaan sangka baik (حسن الظن) malah buruk sangka kepada mazhab lain, lalu dengan mudah menghukum mazhab yang tidak sehaluan dengan anutan mereka dengan pelbagai hukuman sesat, bidaah dan sebagainya.
3. Terdapat sifat egoisme dan suka menurut hawa nafsu.

Dengan demikian berlakulah fanatik kepada mazhab mereka."

"Faktor pemikiran, kerana perbezaan sudut pandangan mengenai suatu masalah yang berkaitan dengan ilmiah dan amaliyah. Termasuk dalam faktor pemikiran, ialah perbezaan pandangan mengenai penilaian terhadap sebahagian ilmu, seperti ilmu kalam, ilmu tasawuf, ilmu mantiq, ilmu filsafat dan fekah mazhab hingga membidaah yang sepatutnya tidak dibidaahkan, menyesatkan yang tidak sesat."

Dato' Dr. Johari bersetuju pelajar yang belajar dipelbagai tempat contohnya Mesir, Arab Saudi, Pakistan dan lain-lain akan membawa balik dan mengajar ilmu yang dipelajari kepada masyarakat. Jika metod pengajian berasaskan al-Quran dan al-Sunnah maka golongan pelajar itu akan memperjuangkan ajaran ilmu berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari pula melihat pengaruh gerakan tajdid membantu aliran baru dan pengaruh perkembangan universiti dan pusat-pusat pengajian di Malaysia membuka ruang aliran baru. Respon beliau menggambarkan keterbukaan dalam mengambil atau memanfaatkan pandangan atau pendapat yang baik atau sah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, menerusi kajian-kajian yang dibuat oleh para ilmuan dan sarjana.

Tuan Guru Hj. Awang dilihat sependapat dengan Sahibus Samahah Dato' Shukri dalam hal ini. Beliau turut bersetuju mengatakan bahawa sebelum ini tidak ada masalah fanatik mazhab. Menurut beliau bahawa "ulama-ulama terdahulu mengajar umat supaya bertauhid dan memperbanyak buat amal kebajikan sahaja. Tidak timbul khilaf-khilaf seperti ini".

IMPLIKASI FANATIK MAZHAB DI MALAYSIA

Persoalan berkaitan sejauh mana benarnya fanatik mazhab boleh membawa kepada implikasi yang buruk kepada umat Islam di negara ini dijawab oleh Sahibus Samahah Dato' Shukri bahawa kebenaran tidak boleh disangkal lagi fanatik mazhab boleh mendatangkan implikasi negatif. Di antaranya:

1. Sikap fanatik kepada mazhab menjadikan pendokong selalu membela mazhab mereka tanpa memperdulikan kebenaran dan kebatilan.
2. Sikap fanatik kepada mazhab, boleh memberikan sifat mendekati "maksud" atau kudus kepada mazhabnya, seperti yang terjadi di kalangan pendokong Syiah. Semua yang ditampilkan oleh Syiah adalah indah belaka. Semua keputusan yang dikeluarkan adalah benar.
3. Sikap fanatik mazhab akan menjadikan pendokong mazhab gagal melihat atau tidak mahu melihat bahawa imam-imam mazhab lain mengeluarkan hukum hakam hasil kajian mendalam bersumber al-Quran dan al-Sunnah. Setiap mazhab tidak lebih daripada sekadar berjihad dan berijtihad. Dalam ijtihadnya mungkin benar dan mungkin salah, tetapi tetap mendapat pahala ijtihad.
4. Sikap fanatik mazhab boleh menghilangkan sikap adil terhadap orang yang disukai ataupun terhadap orang yang tidak disukai. Islam menghendaki agar menjadi saksi yang adil sekalipun terhadap diri. Sikap fanatik boleh menyebabkan kemarahan membuat diri terkeluar daripada kebenaran.
5. Gejala fanatik mazhab akan menimbulkan sikap gembira atas berlaku kesalahan mazhab atau kelompok lain, disamping memalu gendang untuk menghebohkan kesalahan, tetapi pada masa yang sama boleh menutup mata daripada melihat kesalahan mazhab sendiri. Kalaupun mengakui kesalahan tetapi akan berusaha memperkecilkan kesalahan dengan berdalih serta membelanya.”

Dato' Dr. Johari memberi pandangan bahawa fanatik ini boleh membawa perpecahan di kalangan umat Islam di dalam kehidupan mereka dan apalagi kalau sekiranya fanatik ini membawa tuduh-menuduh dan juga dengan label-label yang boleh memecahbelahkan masyarakat sedangkan semuanya adalah bertujuan untuk membuat kebaikan.

Tuan Guru Hj. Awang melihat bahawa walaupun ada kesan yang tidak baik dalam negara ini bersabit dengan taksud mazhab seperti perpecahan umat, kecelaruan, bermudah-mudah menggunakan ayat al-Quran atau hadis-hadis Nabi SAW dan sebagainya akan tetapi pendirian Ahlu al-Sunnah wa al-Jamaah tidak menghukumkan mereka sebagai kafir atau sesat.

Ketika diajukan soalan berkaitan gambaran bentuk-bentuk implikasi hasil daripada fanatik kepada mazhab yang tertentu masalah akidah, syariah dan tasawuf para ilmuan menjawab dengan masing-masing memperlihatkan kecenderungan mereka dan mendakwa sikap fanatik mazhab kepada mazhab lawan. Dalam masalah akidah Dato' Dr. Johari berkata “secara khususnya saya sebut dalam bab akidah, saya ambil perbezaan antara Asha'irah dengan Salaf. Asha'irah yang dipegang oleh sebahagian masyarakat kita dan begitu juga fahaman salaf. Kita melihat disini bahawa fanatik ini sampai ke peringkat bahawa orang yang berfahaman akidah Asha'irah mengatakan fahaman salaf itu atau fahaman yang disebut salafi jihadi ataupun wahabi itu ialah mujassimah. Mujassimah atau musyabbihah. Mujassimah dan Musyabbihah adalah dua ungkapan yang membawa makna seseorang itu boleh menjadi kafir. Apabila kita kata seseorang itu mujassimah bermakna

kita mengatakan dia menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Jadi menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk adalah kufur. Jadi di sinilah kita melihat taksuf itu boleh membawa kepada menghukum seseorang itu sehingga mujassimah dan mujassimah itu sebenarnya boleh membawa pengertian seseorang itu kafir. Ini adalah implikasi taksuf mazhab.”

Sementara dalam masalah syariah pula Dato’ Dr. Johari membawa contoh sikap fanatik mazhab yang berlaku dalam masyarakat. Beliau menyebut bahawa “dalam bab Syariah, orang-orang kita dalam bab Syariah ini, secara mudahnya ialah orang yang bermazhab Syafie yang begitu taksuf menganggap bahawa solat atau sembahyang di belakang mazhab lain tidak sah. Sebagai contohnya, mazhab lain selain daripada mazhab Syafie, tidak menyaringkan basmalah, tidak membaca basmalah dengan nyaring, tempat nyaring, tempat kuat. Jadi bagi mereka tak membaca bismillah itu sudah tidak cukup Fatihah maka dengan sebab itu sembahyang di belakang mereka adalah tidak sah. Ini adalah contoh dalam masalah Syariah.”

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari pula secara umum memberitahu bahawa implikasi kepada fanatik mazhab boleh membawa kepada perpecahan dalam keluarga, perpecahan dalam masyarakat, perpecahan dalam politik dan negara.

Tuan Guru Hj. Awang pula memberi sedikit gambaran mengenai bentuk-bentuk implikasi hasil daripada fanatik mazhab dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf. Beliau menjelaskan bahawa “dalam masalah akidah, Ahlu al-Sunnah berpegang bahawa Allah SWT tidak sama dengan makhluk dan tidak juga mengambil ruang. Itulah akidah yang benar menurut al-Quran dan Sunnah yang kita terima daripada ulama-ulama kita sampai kepada sahabat dan Nabi SAW. Jadi, apabila datangnya akidah yang menyalahi akidah ini maka berlakulah taksuf mazhab. Orang yang berpegang dengan Ahlu al-Sunnah pun jadi taksuf dan orang yang berpegang dengan akidah yang menyalahi Ahlu al-Sunnah pun taksuf. Bertitik tolak daripada itu berlakulah caci mencaci, cela mencela, hukum menghukum dan seterusnya.”

Dalam masalah syariah pula beliau menyatakan bahawa “apabila amalan yang biasa dilakukan oleh Ahlu al-Sunnah diganggu seperti dilemparkan dengan kata bidaah, Nabi tidak buat, tidak ada asal, bukan perkara agama, maka sudah tentu mereka akan marah dan menjadi taksuf kepada pegangan mereka. Hal yang sama juga apabila amalan-amalan dalam mazhab lain dituduh tiada ilmu, jahil, tak mengaji, tinggal para ulama, pakai al-Quran Hadis ikut suka dan sebagainya, maka sudah tentu mereka akan marah dan akan jadi taksuf. Akhirnya berbalah, tak boleh bersua muka, bergaduh, berdebat dan macam-macam lagi. Yang lebih kasihan orang-orang awam yang tak tahu apa-apa jadi mangsa. Mereka jadi keliru dan bingung mana satu yang betul.”

Dalam masalah tasawuf, Tuan Guru menyebutkan bahawa “umat Islam diajar ilmu tasawuf dan dianjurkan hidup secara bertasawuf yakni dengan memakaikan diri dengan sifat-sifat yang mulia dalam masa yang sama membersihkan diri daripada akhlak yang tercela.” Beliau menambah bahawa “untuk mendapatkan benda tersebut perlu tunjuk ajar daripada guru dan juga mujahadah. Tiba-tiba benda ini dituduh sesat, asal dari Yahudi dan Nasrani, menyeleweng, pemuja kubur dan sebagainya. Maka, marahlah orang yang bertasawuf. Dari situ timbullah taksuf dari sebelah sini. Sebelah sana kaum muda pun taksuf juga dengan pendirian dia yang menafikan tasawuf daripada Islam dan mendakwa tasawuf sesat, bertarikat sesat, bertawassul sesat padahal para ulama sepanjang zaman bertasawuf, menulis kitab-kitab tentang tasawuf dan membimbing umat supaya beramal dengan tasawuf. Kalaulah ada tasawuf yang menyeleweng dan memang ada pun yang begitu tetapi kaedah mengatakan tidak boleh ambil benda juz’i untuk dihukumkan kepada benda kulli. Kalau hukum juga, hukuman itu tidak adil.”

Kesimpulannya, terdapat kelompok-kelompok tertentu yang agak ekstremis dalam kefahaman dan pendekatan samada di pihak yang mengaku Ahlu al-Sunnah (al-Ashai'rah) mahupun Ahlu al-Sunnah (al-Salafiyyah). Apa yang banyak diperkatakan dan disasarkan oleh ilmuan-ilmuan yang ditemubual terarah kepada kelompok-kelompok tersebut kerana kelompok-kelompok yang ekstrim itulah yang sering menuduh, melabel bahkan menyesatkan orang lain. Inilah yang membawa kepada fanatik yang tercela

MENGHARMONIKAN KONFLIK FANATIK MAZHAB DI MALAYSIA

Hasil daripada data-data yang terkumpul dapatlah dikatakan bahawa mencari jalan untuk mengharmonikan antara mazhab dan aliran yang pelbagai ini agak sukar. Ini kerana masing-masing mempunyai pendirian dan persepsi sendiri.

Para ilmuan sendiri ketika ditanya mengenai apakah pendirian yang sepatutnya diambil oleh para ulama dan orang awam terhadap pengamalan beragama dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf untuk menjamin kesejahteraan dan kesatuan umat Islam di negara ini mereka memberikan saranan dan cadangan masing-masing.

Dato' Dr. Johari dalam hal ini menyebut bahawa “yang pertamanya ialah semuanya perlu belajar daripada sumber yang asli, yang asal, terutamanya para ulamak perlu mengambil sumber yang asal iaitu Quran dan Sunnah dan disampaikan kepada orang awam tanpa taksub kepada mana-mana mazhab walaupun kita tetap memilih mana-mana mazhab tetapi tidak membawa kepada taksub dan kita perlu mencari dalil yang kuat dan sah di antara pandangan-pandangan ulamak di dalam sesuatu masalah.”

Dato' Dr. Johari kemudiannya menyambung kalamnya mengenai pendirian yang sepatutnya diambil oleh para ulama dan orang awam terhadap pengamalan beragama dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf untuk menjamin kesejahteraan dan kesatuan umat Islam di negara ini dengan katanya “yang kedua kita perlu meletakkan kita adalah mengikut Rasulullah SAW dalam semua perkara. Ketiga ialah kita tidak boleh meletakkan hawa nafsu atau keinginan kita lebih daripada keinginan syarak. Kita betulkan fahaman kita mengikut syarak.”

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari pula dalam hal ini menjawab ringkas iaitu bahawa “rujuk kepada al-Quran dan al-Hadis (yang sah) serta dengan rujuk kepada ulama-ulama hadis”. Kenyataan beliau boleh difahami bahawa untuk menjamin kesejahteraan dan kesatuan umat Islam di negara ini para ulama dan orang awam perlu rujuk kepada al-Quran dan al-Hadis (yang sah) serta dengan rujuk kepada ulama-ulama hadis.

Tuan Guru Hj. Awang pula dalam hal ini memberi respon bahawa “para ulama perlu menambahkan usaha untuk menerangkan agama yang sebenar kepada umat. Mereka perlu menjelaskan akidah, syariah dan tasawuf yang sebenar menurut ajaran Islam. Tidak ada cara lain untuk menjamin kesejahteraan dan kesatuan umat Islam dalam negara ini kecuali dengan ajaran Islam yang sebenar.

Respon beliau boleh difahami bahawa untuk mencapai keharmonian yang sebenar perlu berasaskan kepada ajaran Islam yang sebenar. Sekiranya tidak, bermakna keharmonian adalah suatu angan-angan yang kosong. Tergalas cabaran dibahu para ulama untuk berusaha mengajarkan Islam yang sebenar kepada umat dan menyebarkannya kepada seluruh alam. Umat Islam juga tidak boleh hanya duduk diam menunggu bahkan perlu berusaha mendapatkan ilmu daripada para ulama yang membawa kebenaran.

Menjawab persoalan tentang tanggungjawab yang seharusnya dimainkan oleh kerajaan, pihak berkuasa agama dan ilmuan Islam dalam menangani permasalahan ini para ilmuan didapati memberi respon yang padu bagi mengharmonikan suasana beragama dalam negara ini. Dato' Dr. Johari berpendapat bahawa “semua pihak; kerajaan, pihak

berkuasa agama, dan ilmuan Islam perlu memberi kerjasama yang baik di dalam membawa Islam kepada masyarakat bukan membawa mazhab. Cuma mazhab itu sebagai kaedah yang senang kita nak bawa orang awam melaksanakan ibadah dan juga dalam kehidupan. Itu asasnya dan kita perlulah bersama-sama membawa Islam dengan cara yang dalam konsep ‘permudahkan jangan memayahkan’ serta ‘beri khabar gembira dan jangan menakutkan’. Yang seterusnya kita perlu merasai tanggungjawab ini dilaksanakan secara jujur dan ikhlas.”

Tuan Hj. Abdullah Al-Qari memberi beberapa saranan untuk mencapai tujuan pengharmonian beragama secara bermazhab di negara ini iaitu:

1. Menyebarkan pengajian berteraskan nas-nas al-Quran dan al-Hadis kepada masyarakat.
2. Menanamkan kasih dan cinta kepada Allah dan Rasul melebihi yang lain.

Tuan Guru Haji Awang menyatakan bahawa “saya nampak, kesatuan Islam ini kena jaga dengan persatuan seperti sekarang kita lihat di Kelantan bahawa para alim ulama dan juga ustaz-ustaz walaupun ada yang bermazhab lain tapi menjaga keharmonian atas nama persatuan iaitu parti PAS. Maknanya semua faham di hadapan sana masih banyak lagi yang perlu ditangani yang mana lebih bahaya daripada khilaf mazhab seperti masalah kuasa negara yang boleh jatuh ke tangan bukan Islam.”

Beliau kemudian melanjutkan bicara untuk mencari satu keharmonian beragama di negara ini dengan menjelaskan bahawa “Waliy al-Amr bertanggungjawab menjaga agama dalam sebuah negara iaitu dengan mewujudkan akta, penguatkuasaan dan dakwah secara berterusan. Akidah ahlu al-Sunnah perlu diaktakan dalam perlembagaan seperti yang dilakukan oleh negara-negara seperti Brunei. Jadi, akidah dijaga oleh perlembagaan. Kemudian pula, kalau ada sebarang cubaan yang dianggap mengganggu gugat akidah tersebut tidak boleh dibiarkan dan perlu diambil tindakan dengan bersungguh-sungguh. Dengan cara ini, barulah benar-benar boleh hidup harmoni.”

Ditanya mengenai jalan-jalan yang lain untuk mengharmonikan keadaan sekarang ini beliau menyatakan bahawa “Bolehlah kalau nak buat majlis bincang secara ilmiah tetapi kena tertutup hanya orang-orang tertentu yang boleh mewakili mazhab masing-masing. Di situ, bincanglah masalah akidah ke, syariah ke, khilafiyyah ke dengan nas dan dalil yang ada. Letaklah kebenaran sebagai tujuan yang nak dicari, bukan nak berdebat atau pun nak benang (menang) berhujah. Kalau kalah hujah kena akurlah. Apa faedah bincang kalau tak mahu akur?”

SOLUSI MENGHARMONIKAN KONFLIK FANATIK MAZHAB DI MALAYSIA

Meneliti perbincangan dan pendapat ilmiah para tokoh ilmuan Islam sekitar Kelantan dapatlah disimpulkan bahawa konflik fanatik mazhab benar-benar berlaku dalam kalangan umat Islam di negara ini. Para ilmuan sendiri masing-masing mengutarakan pandangan dan menzahirkan pengamatan mereka yang luas dan bernas.

Setelah dibuat penelitian kepada perbincangan tentang fanatik mazhab yang agak panjang ini, dapatlah disimpulkan bahawa penyelesaian terhadap isu ini boleh diasaskan kepada empat saranan dan cadangan berikut:

1. Menjernihkan mafhum fanatik mazhab
2. Mengobjektifkan punca sebenar kepada fanatik mazhab
3. Menyedari implikasi negatif daripada fanatik mazhab
4. Berusaha mencari jalan positif yang paling baik untuk mengharmonikan konflik fanatik mazhab di negara ini.

Menjernihkan mafhum fanatik mazhab

Mafhum fanatik mazhab perlu dijernihkan.

- i. Secara bahasa, fanatik atau taksub adalah keterlaluan pada sesuatu pegangan atau pendirian berkaitan dengan agama, politik dan sebagainya manakala mazhab pula adalah pendapat imam yang berkeelayakan dan disaksikan dengan keahlian dan kebaikan oleh para ulama yang lain. Ini bererti perkataan fanatik mazhab dalam konteks ini bermaksud keterlaluan pada suatu pegangan atau pendirian terhadap pendapat imam-imam tertentu berkaitan dengan akidah, syariah dan tasawuf.
- ii. Berasaskan penggunaan perkataan taksub dalam bahasa Arab, fanatik boleh digunapakai kepada pegangan atau pendirian yang keterlaluan baik yang bersifat positif dan yang bersifat negatif. Walau bagaimanapun, penggunaannya secara umum lebih bersifat negatif.
- iii. Konflik fanatik mazhab benar-benar berlaku dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf dan benar-benar berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia khususnya di antara mazhab Ahlu al-Sunnah al-Ashai'rah dengan mazhab Ahlu al-Sunnah aliran al-Salafi.
- iv. Gambaran pengamalan beragama yang murni tanpa fanatik mazhab ialah sebagaimana zaman awal Islam di mana para sahabat dan tabiin tidak fanatik terhadap mana-mana pendapat yang bertentangan sesama mereka. Begitu juga dengan keadaan umat Islam di negara ini sebelum kemasukan ajaran-ajaran atau aliran-aliran yang bercanggah dengan ahlu al-Sunnah.
- v. Dalam bidang akidah, fanatik mazhab boleh berlaku apabila berlakunya pertembungan di antara dua aliran yang berbeza yang mana saling mendakwa merekalah yang benar. Banyak kes yang boleh dirujuk sebagai bukti yang menunjukkan berlakunya fanatik mazhab dalam akidah di negara ini seperti isu Allah bersemayam di Arasy dan lain-lain.
- vi. Dalam bidang syariah, fanatik mazhab boleh berlaku dalam masalah syariah apabila mazhab yang bertentangan masuk di tengah-tengah pengamalan mazhab yang sedia diamalkan di negara ini. Banyak kes yang boleh dirujuk sebagai bukti menunjukkan berlakunya fanatik mazhab dalam pengamalan syariah di negara ini seperti tindakan membidaahkan amalan baca qunut subuh, zikir lepas solat dan lain-lain. Di sana ada perbezaan yang besar di antara fanatik mazhab dengan pengamalan mazhab. Berpegang dengan satu mazhab tanpa menolak pandangan mazhab yang lain tidak boleh dianggap fanatik mazhab. Mafhum fanatik mazhab adalah diperkirakan kepada orang alim dan setiap individu Muslim di kalangan orang awam.
- vii. Dalam bidang tasawuf, fanatik mazhab boleh berlaku dalam masalah tasawuf antaranya apabila kedudukan tasawuf sebagai satu ilmu teras di dalam Islam dipersoalkan. Terdapat kes-kes yang boleh dirujuk sebagai bukti yang menunjukkan berlakunya fanatik mazhab dalam masalah tasawuf di negara ini seperti kes yang melabelkan tasawuf sebagai khurafat dan sesat.

Mengobjektifkan punca sebenar kepada fanatik mazhab

Punca sebenar kepada berlakunya konflik fanatik mazhab dalam masalah akidah, syariah dan tasawuf di negara ini perlu diobjektifkan secara ilmiah. Penelitian mendapati bahawa punca-punca konflik ini tidak lari daripada perkara-perkara berikut:

- i. Punca utama dan yang paling besar ialah kejahilan umat Islam.

- ii. Punca kedua yang tidak kurang besarnya ialah masalah akhlak dan pemikiran yang menjadi pencetus kepada konflik fanatik mazhab.

Menyedari implikasi negatif daripada fanatik mazhab

Umat Islam samada ulama atau orang awam perlu sedar tentang implikasi negatif daripada fanatik mazhab. Semua pihak perlu berkerjasama menghindarkan perbalahan dan permusuhan yang merugikan umat Islam sejagat. Setiap entiti perlu mengambil tanggungjawab menangani konflik ini.

Berusaha mencari jalan mengharmonikan konflik fanatik mazhab

i. Mengadakan pertemuan ilmiah secara tertutup

Perbincangan adalah salah satu platform terbaik menemukan dua mazhab yang bertelagah. Walau bagaimanapun, pertemuan tersebut harus diwakili oleh ahli ilmu sahaja bukan ahli debat. Pertemuan itu juga mematlamatkan mencari kebenaran bukan kemenangan selain setiap pihak menjaga adab berikhtilaf. Sekiranya kebenaran berpihak kepada mana-mana mazhab, maka mazhab yang kedua perlu akur dan berlapang dada.

ii. Membuat pertimbangan ilmiah yang adil

- a) Meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama
Tidak boleh disangkal lagi bahawa al-Quran dan al-Sunnah adalah rujukan tertinggi umat Islam. Walau bagaimanapun, bukan semua orang mampu bermuamalah dengan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, rujukan harus dibuat kepada para ulama yang muktabar dalam bidang kepakaran masing-masing dan diakui keilmuan dan ketokohan mereka.
- b) Membezakan di antara masalah usuliyah dengan furu'iyah
Mencampuraduk perkara furuk dengan masalah usul adalah kegagalan yang tidak boleh diberi keuzuran. Seharusnya masalah tersebut tidak berlaku dalam agama kerana masalah usuliyah adalah perkara pokok yang sangat jelas manakala masalah furuk adalah masalah ranting yang keluar hasil daripada ijtihad dan istinbat para ulama.
- c) Menyesuaikan dengan waqi'
Menfatwakan hukum lebih-lebih lagi masalah khilafiyah ada kaitan dengan waqi'. Seorang alim di Mesir tidak boleh terus mengfatwakan hukum kepada umat Islam di Malaysia tanpa melihat waqi'. Fiqh al-Waqi' termasuk suatu seni yang perlu dikuasai oleh seorang ulama sebelum turun ke medan fatwa. Tidak menguasai seni ini bererti dia gagal walaupun ilmunya tinggi melangit.

iii. Mengutamakan kesatuan dan persaudaraan Islam

Tidak mengorbankan kesatuan dan persaudaraan demi mengatasi pihak lawan. Prinsip tersebut perlu diletakkan dihadapan sama ada kebenaran itu adalah milik kepada mazhab yang tertentu tidak kepada mazhab yang kedua.

iv. Mengutamakan isu umat Islam yang lebih penting

Banyak isu umat Islam yang lebih penting untuk ditangani daripada isu khilaf mazhab seperti kekejaman, penindasan, islamopibia, kejahatan, masalah sosial umat dan lain-lain.

v. Meraikan perselisihan manhaj dan furuk

Secara umumnya, matlamat kedua-dua mazhab ialah mentawhidkan Allah, mengibadatnya dengan penuh ikhlas dan ingin menjadi hamba yang baik. Di atas dasar inilah perselisihan berbentuk manhaj dan furuk perlu diraikan dalam sebuah negara.

vi. Menjauhi masalah khilafiyah

Kebanyakan masalah yang diperdebatkan melibatkan perkara-perkara khilafiyah yang tidak akan berakhir selama-lamanya. Ia sekitar perayaan mawlid Nabi SAW, bubur asyura, talqin dan tahlil orang yang telah mati, sapu muka selepas solat, zikir secara jahar serta berdoa beramai-ramai, solat qabliah maghrib dan Jumaat dan lain-lain. Masalah-masalah ini sekiranya diperdebatkan tidak akan habis dan tidak akan selesai selama-lamanya. Kerana itu kaedah fiqah ada menyatakan “tidak diingkar perkara yang dikhilafkan. Perkara yang seharusnya diingkar (pelakunya) ialah perkara yang sudah diijmakkan ke atasnya”. Selagi sesuatu perkara itu boleh dikaitkan dengan dalil yang thabit atau difatwakan oleh para ulama yang muktabar maka ia boleh sahaja untuk diamalkan oleh masyarakat Islam.

vii. Membuang sikap berprasangka, menghentikan tuduh menuduh, cemuh mencemuh, label melabel, bidaah membidaah dan seumpamanya

Walaupun kenyataan ini sangat sulit, akan tetapi demi kesatuan umat Islam, setiap mazhab perlu membuang sikap yang tidak baik ini dan memupuk semangat ukhuwwah Islamiyyah yang murni.

viii. Menerang bukan menyerang

Pendekatan ini perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat supaya masalah yang timbul menjadi akademik dan berfakta. Dengan pendekatan ini konflik fanatik mazhab boleh diredakan dan perbandingan secara sihat di antara kedua-dua mazhab dapat dilakukan.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa konflik fanatik mazhab benar-benar berlaku dalam pengamalan beragama di negara ini melibatkan ketiga-tiga rukun ilmu teras dalam Islam iaitu akidah, syariah dan tasawuf. Konflik ini berlaku antara beberapa mazhab yang ada di negara ini khususnya Ahlu al-Sunnah al-Asyairah dan al-Salafi.

Menurut ilmuan Islam yang ditemui, mafhum fanatik mazhab ialah pegangan yang kuat dan melampau terhadap sesuatu mazhab atau pandangan sehingga mengeneipkan mazhab yang lain dalam ilmiah atau pengamalan. Pengertian ini adalah pengertian yang paling sederhana kerana memasukkan semua orang Islam dalam lingkaran fanatik terhadap pegangan masing-masing. Tinggal lagi apakah fanatik mereka terpuji atau tercela. Sekiranya fanatik tersebut adalah kepada mazhab yang benar dan pandangan yang betul maka tiada syak lagi bahawa fanatik itu adalah terpuji bahkan suatu tuntutan sementara sebaliknya sekiranya fanatik tersebut adalah kepada kebatilan atau ajaran yang menyeleweng maka kefanatikkannya sudah tentu dicela dan dilarang.

Dalam mengobjektifkan punca kepada konflik fanatik mazhab, kajian mendapati faktor yang paling besar ialah kejahilan sama ada kejahilan umat secara umum ataupun kejahilan segelintir agamawan secara khusus. Kebiasaannya golongan agamawanlah yang menjadi agen kepada konflik ini secara negatif. Kalaulah mereka mengetahui agama secara mendalam dan menyeluruh, mereka tidak akan terlibat menjadi agen kepada mazhab atau ajaran yang menyeleweng. Mereka juga akan lebih tahu menilai manakah agenda yang lebih penting dalam hidup ini. Selain itu, faktor-faktor yang lain seperti

akhlak, pemikiran dan beberapa perkara lain turut dilihat menjadi punca kepada berlakunya fanatik mazhab secara negatif di negara ini.

Implikasi paling besar daripada konflik ini ialah memecahkan kesatuan umat Islam. Dalam suasana umat Islam sudah berpecah dalam arena politik dengan percakaran sesama sendiri yang tidak pernah selesai, umat ini berpecah lagi dalam masalah pegangan agama. Ini sudah tentu sesuatu yang sangat merugikan umat bahkan memberi peluang kepada musuh-musuh Islam atau mereka yang berkepentingan meraih sesuatu yang lebih berharga seperti ketuanan Tanah Melayu atau tampuk pemerintahan tertinggi negara. Janganlah suatu masa nanti, kerana terlalu asyik dengan mazhab atau ajaran yang dipegang, umat Islam berputih mata melihat bumi ini terlepas ke tangan orang lain.

Kajian mengajak para ilmunan, pendakwah, cendekiawan dan alim ulama supaya bersatu untuk bangkit menjernihkan mafhum fanatik mazhab dan menangani punca-puncanya demi kepentingan Islam sejagat. Usaha untuk mengharmonikan konflik ini perlu segera diikhtiarkan. Setiap mazhab perlu memahami pengikut mereka bahawa dalam suasana sekarang ada benda lain yang lebih utama dan perlu tindakan segera. Ia menuntut kesatuan dan kebersamaan seluruh umat Islam supaya masing-masing menjadi batu bata kepada kebangkitan umat bagi menyelamatkan negara ini daripada tangan-tangan yang tidak mahu kepada agama bahkan berfahaman anti Islam, Islam liberal, berprinsip pluralisme, sekularisme dan lain-lain.

Selain itu, usaha-usaha lain juga perlu diikhtiarkan supaya umat Islam di negara ini boleh kembali tenang dalam beragama. Pertemuan ahli ilmu mewakili kedua-dua mazhab secara tertutup boleh dianjurkan selain sikap hormat menghormati, berlapang dada, bertolak ansur serta menjunjung semangat kesatuan umat Islam yang perlu disemarakkan.

Sekurang-kurangnya, kajian ini dapat membuka mata umat Islam seluruhnya di negara ini akan perkara yang lebih penting untuk mereka perjuangkan. Pepatah “menang sorak kampung tergadai” perlu direnungkan sedalam-dalamnya. Kajian ini juga diharapkan boleh menjadi pencetus kepada kajian-kajian yang lain dalam melihat konflik fanatik mazhab secara lebih halus dan mencari jalan menyelesaikannya secara ilmiah dan harmoni.

PENGHARGAAN

Artikel ini hasil daripada penyelidikan di bawah RU - Fakulti Program (RF 002L-2018) bertajuk: Fanatik Mazhab di Malaysia dan Implikasinya.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajr, *Lisan al-Mizan* (Beirut: Muassasah al-A'lami, 1986).

Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaymaz, *Siyar A'lam al-Nubala'*, ed: Hassan Abd al-Mannan (Lubnan: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2004).

Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, (Selangor: Dawama Sdn Bhd, 2010).

Doktor Khalid Kabir 'Allal, *al-Ta'assub al-Madhhabi fi al-Tarikh al-Islami Khilal al-Asr al-Islami-Mazahiruhu ,Atharuhu ,Asbabuhu ,Ilajuhu* (Dar al-Muhtasab: al-Jaza'ir, 1429H/2008M).

- Hibah Allah bin al-Hasan bin Mansur al-Tabari al-Lalakai, *Sharh Usul itiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, ed: Nash'at bin Kamal al-Misri (al-Iskandariyyah: Maktabah Dar al-Basirah).
- Ibn Abd al-Barr, Yusuf bin Abd Allah bin Muhammad al-Namiri al-Andalusi, *al-Tamhid Lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, ed: Mustafa al-Bakri (al-Maghrib: Wizarah al-Awqaf, 1387).
- Ibn Taymiah, Ahmad bin Abd al-Halim, *Daqaiq al-Tafsir, al-Jami li tafsir al-Imam Ibn Taymiah*, ed: Muhammad al-Sayyid al-Jalind (Dimashq: Muassasah Ulum al-Quran, 1984).
- Khadher bin Ahmad, Mustaffa Abdullah, Sedek Ariffin, Mohd Yakub @Zulkifli Mohd Yusoff, *Fanatik Beragama Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia: Analisis Berdasarkan Pemahaman Terhadap Fiqh Al-Hadith*, (HADIS: International Reviewed Academic Journal Vol. 7, No. 14, December 2017, 68).
- Luqman Haji Abdullah, Nima Jihatea, *Bermazhab Dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan Dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafi'i Masyarakat Melayu*.
- Mahmud al-Tahhan, *Taysir Mustalah al-Hadith* (Riyad: Maktabah al-Ma'arif, 2010).
- Muhammad bin Makram Ibn Manzur al-Ifriqi al-Misri: *Lisan al-Arab* (Beirut: Dar Sadir, t.t.).
- Saadan Man dan Abdul Karim Ali, *Ikhtilaf Fiqhi Di Kalangan Aliran Syafi'iyah Dan Salafiyah Di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus*.
- Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr Mohd Asri Bin Zainul Abidin, *Fanatik Mazhab Fekah Dan Kesan Negatifnya Terhadap Pemikiran Umat*.

Kertas Jawapan Responden

- Kertas jawapan bertulis YBhg. S.S. Datuk Mohamad Shukri Mohamad, Mufti Kelantan, 25 Februari 2019.
- Kertas jawapan bertulis YBhg. Dato' Dr. Dato' Dr. Johari Mat, Senator, 10 Februari 2019.
- Kertas jawapan bertulis YBhg. Ustaz Tuan Hj. Abdullah al-Qari Haji Salleh, 12 Februari 2019.
- Kertas jawapan bertulis YBhg. Tuan Guru Hj. Awang bin Yusoff, Mudir Pondok Banggol Naim, Gelang Mas Pasir Mas, Kelantan, 30 Mei 2019.